TANDATANGANI... Dr Harun (kiri) bersama Mohd Sabri menandatangani perjanjian kelmarin.

UMS dan TNEC Sdn. Bhd jayakan Projek Pendinginan Berkelompok

NST 06.12.2012 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan TNB Engineering Corporation (TNEC) Sdn. Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad yang memfokuskan usaha sama kedua-dua pihak dalam menjayakan Projek Pendinginan Berkelompok.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, UMS akan membangunkan Projek Pendinginan Berkelompok ini bersama-sama TNEC Sdn. Bhd dan akan melaksanakannya projek berkenaan di kampus universiti.

"Melihat akan pengalaman yang ada pada TNEC Sdn. Bhd. dalam mengendalikan projek seumpama ini, UMS telah berinisiatif untuk membangunkan projek ini bersama-sama TNEC ke arah memastikan kelancaran projek tersebut mencapai tahap maksimum," ujar beliau dalam ucapan aluannya pada majlis itu.

TNEC Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusannya, Mohd Sabri Zain, Pengurus Besar Kewangan TNEC Sdn. Bhd, Tuan Haji Ab Hakim Hamat dan Pengurus Kanan Pembangunan Bisnes TNEC Sdn. Bhd, Masri Mustapha. Turut hadir Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Sharil Yusof dan Pendaftar UMS Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said.

Terdahulu, Mohd. Sabri berkata pelaksanaan projek ini menepati hasrat kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang mengamalkan teknologi hijau, selain mampu memberi penjimatan penggunaan elektrik di UMS.

"Dengan pelaksanaan Sistem Pendinginan Berkelompok ini, UMS mampu mengurangkan penggunaan elektrik sebanyak sepuluh peratus selain menghijaukan sistem pendinginan di UMS," jelasnya.

Tambah beliau, MoU itu menjadi perintis kepada pelbagai kerjasama antara kedua-dua pihak pada masa akan datang.

"MoU ini diharap membuka ruang yang luas antara UMS dan TNEC Sdn. Bhd. untuk bekerjasama dalam bidang peningkatan kecekapan tenaga dan teknologi hijau," katanya.